



SIARAN MEDIA

PUSAT KECEMERLANGAN PERTANIAN HIJAU MARDI FOKUS R&D TANAMAN TANAH TINGGI

CAMERON HIGHLANDS, 29 April: Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini merasmikan Pusat Kecemerlangan (COE) Pertanian Hijau MARDI Cameron Highlands.

Pusat ini adalah satu-satunya stesen penyelidikan yang ditubuhkan bagi memantapkan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang memfokuskan kepada tanaman tanah tinggi.

Stesen ini berfungsi sebagai stesen kecemerlangan penyelidikan teknologi pertanian hijau dan pertanian tanah tinggi serta merupakan stesen sokongan kepada pemindahan teknologi MARDI.

Antara aktiviti penyelidikan yang dijalankan di MARDI Cameron Highlands adalah penyelidikan agronomi dan sistem pengeluaran, pengawalan perosak dan penyakit, serta pengendalian lepas tuai bagi sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan, penyelidikan pemuliharaan tanah dan pengumpulan, pemuliharaan dan penggunaan sumber genetik tanaman tanah tinggi.

Pada majlis perasmian ini, Menteri MAFI turut melancarkan dua lagi teknologi MARDI iaitu Teknologi Biopestisid Multi Virus dan Baja OrganoPlus.

Teknologi Biopestisid Multi Virus berkesan mengawal serangan empat ulat perosak Lepidoptera di ladang kubis, mesra alam dan tidak memusnahkan serangga bermanfaat seperti pendebunga (lebah/kelulut), tidak meninggalkan sisa dan hasil sayuran boleh terus dituai dan mengurangkan perkembangan masalah kerintangan atau kekebalan serangga perosak terhadap racun kimia

Baja Organo Plus pula antaranya membekalkan unsur nutrien makro dan surih yang penting dimana ia telah diuji keberkesanannya pada sayuran serta bungaan dan dalam masa yang sama bukan sahaja meningkatkan hasil tanaman, malah menyuburkan tanah dengan aplikasi yang berterusan, meningkatkan kesuburan dan kualiti tanah dengan penggunaan berpanjangan dan sesuai untuk semua jenis tanah dan tanaman.

“Saya bangga melancarkan dua lagi teknologi baharu MARDI iaitu BIOPESTISID MULTI VIRUS dan BAJA ORGANO PLUS. Saya yakin MARDI akan terus berusaha untuk membuat kajian dan penyelidikan untuk dimanfaatkan oleh petani dan pihak industri agar sektor pertanian terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara,” kata Ronald dalam ucapan nya pada majlis itu.

Beliau juga berharap Pelancaran Pusat Kecemerlangan (COE) Pertanian Hijau MARDI Cameron Highlands akan memantapkan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) MARDI.’

- Ends

Kenyataan dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
MAFI